

**Hentikan Penyebaran Fitnah Dan Hasutan Politik - Sultan Johor
Bernama
14 May, 2013**

JOHOR BAHRU, 14 Mei (Bernama) -- Sultan Johor tidak mahu ada lagi pihak yang terus menyebarkan fitnah dan hasutan berbau politik untuk menimbulkan kebencian antara rakyat dan menggugat perpaduan serta keamanan negara.

Sultan Ibrahim Almarhum Sultan Iskandar bertitah waktu berkempen pada pilihan raya umum ke-13 (PRU13) telahpun tamat dan sekarang ini adalah masa untuk bekerja.

"Saya tidak mahu mendengar ada pihak yang terus menyebarkan fitnah dan hasutan berbau politik untuk menimbulkan kebencian antara rakyat dan menggugat perpaduan dan keamanan negara," titah baginda.

Baginda bertitah demikian pada majlis angkat sumpah Anggota Dewan Undangan Negeri (Adun) kawasan Permas, Datuk Mohamed Khaled Nordin sebagai Menteri Besar Johor yang baharu di Dewan Undangan Negeri, Bangunan Sultan Ibrahim, Bukit Timbalan, di sini hari ini.

Turut sama mengangkat sumpah di hadapan Sultan Johor adalah sembilan Adun daripada Barisan Nasional (BN) bagi jawatan anggota Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco).

Menurut baginda, tugas dan tanggungjawab kerajaan untuk tempoh lima tahun akan datang adalah amat berat dan mencabar, dengan semua pihak mesti berusaha bersungguh-sungguh untuk menyatupadukan rakyat serta mengukuhkan kemajuan Johor.

"Jika ada mana-mana wakil rakyat yang merasakan diri mereka tidak sesuai atau tidak mampu untuk memikul tanggungjawab yang diberikan, mereka boleh bangun dan keluar baris sekarang," titah baginda.

Sultan Johor mengingatkan wakil rakyat yang telah dipilih supaya tidak melupakan janji-janji yang dibuat ketika kempen PRU13 lepas dan bertanggungjawab untuk menunaikan janji terbabit.

"Saya amat prihatin dan akan sentiasa mengambil berat tentang keadaan rakyat dan negeri saya. Oleh yang demikian, bagi pihak rakyat saya mahu setiap janji yang dibuat mestilah ditunaikan," titah baginda. Sultan Johor juga bertitah bahawa sebagai pemerintah yang menaungi semua rakyat Johor, baginda tidak memihak kepada mana-mana parti politik dan tidak memandang rendah mana-mana pihak.

"Kerana pada mata saya, semua orang Johor adalah rakyat saya," titah baginda dan menambah, sebab itulah baginda telah mengarahkan supaya mesti ada wakil daripada masyarakat Cina dan India di dalam barisan Exco kerajaan negeri Johor.

Dua wakil masyarakat Cina dan India di dalam barisan Exco Johor adalah Datuk Tee Siew Kiong (Adun Pulai Sebatang) sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan dan R.Vidyanathan (Adun Kahang) sebagai Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia.

Sultan Johor juga mengingatkan kesemua wakil rakyat supaya memahami isi kandungan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Johor 1895 dan mematuhi peraturan serta tatacara

Dewan Undangan Negeri Johor.

Kerajaan Negeri Johor, menurut baginda, telah ditubuhkan lebih awal daripada kerajaan Malaysia di mana telah berpegang lama kepada Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor 1895.

Turut hadir pada majlis angkat sumpah itu ialah Tunku Mahkota Johor Tunku Ismail Sultan Ibrahim dan kerabat diraja lain, anggota Majlis Jumaah Diraja, anggota Dewan Undangan Negeri termasuk daripada pembangkang dan pegawai kanan kerajaan negeri.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=949475>